

**LAPORAN
SOAL SELIDIK PENERIMAAN DAN
PENCAPAIAN PELAJAR
PENGAKREDITAN
PEMBELAJARAN BERASASKAN
PENGALAMAN TERDAHULU
(*ACCREDITATION OF PRIOR
EXPERIENTIAL LEARNING, APEL*)
DI PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI
(PPT)**

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

BAHAGIAN STANDARD | 2016

KANDUNGAN


1.0	PENGENALAN	3
2.0	DAPATAN KAJIAN.....	4
3.0	KESIMPULAN.....	10
	LAMPIRAN 1	12
	BORANG SOAL SELIDIK	12

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) bagi tujuan akses telah mula dilaksanakan di Malaysia bermula pada tahun 2011.
- 1.2. Bagi mengetahui keberkesanan pelaksanaannya, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah menjalankan soal selidik yang bertujuan untuk:
 - i. Mengetahui penerimaan pelaksanaan APEL oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT); dan
 - ii. Menjejaki prestasi pelajar yang menggunakan Sijil APEL sebagai kelayakan masuk ke PPT di Malaysia.
- 1.3. Maklumat soal selidik yang diterima ini sangat berguna kepada MQA untuk menambah baik sistem sedia ada demi meningkatkan kualiti pelaksanaan APEL di Malaysia, seterusnya melestarikan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 1.4. Bahagian Standard, MQA telah menjalankan soal selidik penerimaan dan pencapaian pelajar APEL di PPT secara dalam talian pada 10 hingga 31 Oktober 2016. Soalan soal selidik adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 1.5. Sebanyak 28 PPT telah memberikan maklum balas kaji selidik tersebut yang dirangkumkan dalam laporan ini.
- 1.6. Sebarang pertanyaan mengenai laporan soal selidik ini boleh dikemukakan kepada urus setia berikut:
 - i. Puan Farhanah Mohamad - 03-79682617 (farhanah@mqa.gov.my)
 - ii. Puan Norlida Abdul Hamid - 03-79682618 (norlida@mqa.gov.my)

2.0 DAPATAN KAJIAN


2.1. Jenis PPT.



Rajah 1 – Peratusan Jenis PPT

Rajah 1 menunjukkan majoriti responden adalah daripada PPT swasta iaitu sebanyak 25 atau 89%. Sementara tiga lagi responden (11%) adalah daripada PPT awam.


2.2. Klasifikasi PPT.



Rajah 2 – Peratusan Klasifikasi PPT

Merujuk kepada Rajah 2, didapati 89% responden adalah PPT bertaraf Universiti dan Kolej Universiti, manakala 11% pula adalah lain-lain iaitu PPT bertaraf kolej ataupun institut.

2.3. Sejak tahun bila dan bilangan PPT anda telah menerima masuk pelajar yang menggunakan Sijil APEL?




Rajah 4 – Tahun dan Bilangan Kemasukan Pelajar APEL di PPT

*Nota : 3004 orang pelajar adalah termasuk bilangan pelajar melalui kemasukan terbuka yang telah berubah kepada sistem penilaian APEL yang dilaksanakan oleh universiti berstatus terbuka.

Rajah 4 memaparkan peningkatan terhadap penerimaan pelajar laluan APEL di PPT. Pada tahun 2013, didapati terdapat peningkatan sebanyak 180% berbanding tahun 2011 dan 2012. Seterusnya bilangan ambilan pelajar dengan Sijil APEL terus meningkat sebanyak 100% pada tahun 2014, menurun 21% pada tahun 2015 dan meningkat dengan memberangsangkan kepada 3004 orang pelajar sehingga pada Oktober 2016. Ini menunjukkan terdapat penerimaan yang sangat positif oleh PPT terhadap pelajar yang memohon untuk melanjutkan pengajian melalui laluan APEL.

2.4. Adakah pelajar laluan APEL dapat mengikuti pengajian seperti mana pelajar laluan biasa?




Rajah 5 – Peratusan pelajar laluan APEL yang dapat mengikuti pengajian

Merujuk kepada Rajah 5, 96% responden menyatakan bahawa pelajar laluan APEL dapat mengikuti pengajian seperti mana pelajar laluan biasa. Sementara hanya 4% responden menyatakan tidak. Ini menunjukkan bahawa pelajar laluan APEL juga boleh mengikuti pengajian mereka dengan baik seperti mana pelajar laluan biasa.

2.5. Jika tidak, nyatakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar APEL?

Berdasarkan maklum balas daripada soalan di perkara 2.4, hanya terdapat satu PPT yang memberikan maklum balas dengan ulasan penangguhan pengajian.


2.6. Adakah terdapat pelajar laluan APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar?



Rajah 6 – Peratusan PPT yang mempunyai pelajar APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar

Merujuk kepada Rajah 6, 82% responden menyatakan pelajar laluan APEL tidak meninggalkan PPT setelah mendaftar. Manakala 18% responden menyatakan terdapatnya pelajar laluan APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar.

2.7. Jika ya, sila senaraikan butiran pelajar berkenaan.



Rajah 7 – Peratusan pelajar laluan APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar mengikut tahun


Tahun Meninggalkan PPT	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
2013	3	17
2014	5	28
2015	4	22
2016	6	33
Jumlah	18	100

Jadual 1 : Bilangan pelajar APEL yang meninggalkan PPT Mengikut Tahun

Antara sebab pelajar meninggalkan PPT seperti yang dinyatakan oleh 18% responden seperti di Rajah 7 adalah seperti berikut:

- i. Masalah peribadi.
- ii. Masalah keluarga.
- iii. Masalah kewangan.
- iv. Pertukaran tempat kerja.
- v. Masalah kesihatan.
- vi. Hilang minat untuk belajar.
- vii. Tangguh pengajian.
- viii. Meninggal dunia.

2.8. Maklumat pelajar APEL yang mengikuti program di PPT anda.



Rajah 8 – Bilangan Pelajar laluan APEL Mengikut Tahap Program

Rajah 8 menunjukkan bilangan pelajar laluan APEL yang mengikuti program pengajian di PPT mengikut tahap program. Peratusan mengikut tahap adalah seperti berikut:

- Sijil (Tahap 5, Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)) – 0%
- Diploma (Tahap 4, KKM) – 5.75%
- Ijazah Sarjana Muda / Diploma Siswazah (Tahap 6, KKM) – 82.15%
- Ijazah Sarjana (Tahap 7, KKM) – 12.10%

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	Jumlah	Peratus (%)
3.70 – 4.00	85	2.78
2.50 – 3.69	1192	38.97
2.00 – 2.49	444	15.51
< 2.00	401	13.11
Belum menduduki peperiksaan /belum ada PNGK	937	30.62
Jumlah	3059	100

Jadual 2 : Prestasi Pelajar APEL Mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif

Jadual 2 pula menunjukkan keputusan peperiksaan pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

2.9. Ulasan/ Cadangan terhadap pelaksanaan APEL.

Bagi soalan kajian nombor 10, responden diminta untuk memberikan ulasan/ cadangan sekiranya ada. Berikut adalah ulasan/ cadangan yang diterima dan maklum balas MQA terhadap cadangan:

No.	Cadangan	Maklum Balas MQA
1.	Pelajar yang mengambil APEL dan diberi peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi merupakan satu langkah yang baik untuk membantu mengembangkan karier dan pengetahuan pelajar tersebut.	Ambil maklum.

No.	Cadangan	Maklum Balas MQA
2.	Laluan masuk ke program pengajian melalui APEL perlu diteruskan.	Ambil maklum.
3.	Menyerahkan kepada pihak universiti untuk menilai kesesuaian untuk belajar.	PPT penerima boleh menilai calon APEL dengan penilaian berasingan (jika perlu) untuk tujuan menilai kesesuaian pelajar untuk meneruskan pengajian dalam program tertentu.
4.	Pelajar perlu mengambil ujian kemasukan berdasarkan pengetahuan asas bidang komunikasi, yang boleh didapati dari beberapa pembacaan dan nota-nota yang akan disediakan oleh IPTS.	
5.	Penilaian APEL boleh dinilai secara <i>online</i> .	Bagi memudahkan proses penilaian, MQA telah melantik beberapa PPT sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA). Dua PPA iaitu Open University Malaysia (OUM) dan Wawasan Open University (WOU) telah menyediakan sistem penilaian secara <i>online</i> .
6.	Pelajar yang bekerja (belajar secara sepenuh masa) tidak perlu menjalani Latihan Industri bagi tempoh yang ditetapkan (iaitu 3 bulan).	Ambil maklum.
7.	Secara keseluruhannya pelajar dapat mengikuti program yang diambil, kecuali sebilangan kecil pelajar (kurang 5%) yang mendapat keputusan kurang memuaskan.	Ambil maklum.

3.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima melalui soal selidik ini, boleh disimpulkan bahawa:

- i. Terdapat peningkatan terhadap jumlah pengambilan pelajar melalui Sijil APEL di PPT.

- ii. Pelajar laluan APEL didapati boleh mengikuti pengajian sebagaimana pelajar laluan biasa.
- iii. Bilangan pelajar APEL yang meninggalkan PPT adalah pada tahap minimum.
- iv. Kebanyakan pelajar laluan APEL menyambung pengajian pada tahap Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Siswazah (Tahap 6, KKM).
- v. Keputusan peperiksaan pelajar laluan APEL majoritinya (38.97%) di antara PNGK 2.50 – 3.69.
- vi. Pihak PPT menyambut baik dan menyokong pelaksanaan APEL.

----- TAMAT -----

BORANG SOAL SELIDIK

**SOAL SELIDIK PENERIMAAN DAN PENCAPAIAN PELAJAR
PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU
(ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING, APEL)
DI PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

**Pendahuluan**

Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL*) bagi tujuan akses telah mula dilaksanakan di Malaysia bermula tahun 2011. Bagi mengetahui keberkesanan pelaksanaannya, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) berhasrat menjalankan soal selidik yang bertujuan untuk:-

- i. mengetahui penerimaan pelaksanaan APEL oleh PPT, dan
- ii. menjejaki prestasi pelajar yang menggunakan Sijil APEL sebagai kelayakan masuk ke PPT di Malaysia.

Sehubungan itu, MQA amat berbesar hati jika PPT dapat memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini.

Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk menambah baik sistem sedia ada demi meningkatkan kualiti pengendalian APEL di Malaysia bagi melestarikan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Arahan

Sila isikan borang kajian ini dengan jawapan bertulis atau menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Puan Farhanah Mohamad di talian 03 – 7968 2617 atau e-mel: farhanah@mqa.gov.my atau Puan Norlida Abdul Hamid di talian 03 – 7968 2618 atau e-mel: norlida@mqa.gov.my.

A. MAKLUMAT UMUM PPT**1. Jenis PPT (pilih salah satu sahaja):**

Awam

Swasta

2. Klasifikasi PPT (pilih salah satu sahaja):

Universiti dan Kolej Universiti

Lain - lain (i.e kolej, institusi)

3. Jumlah keseluruhan pelajar yang berdaftar di PPT anda:

Kurang 3000 orang

6000 – 9000 orang

3000 – 6000 orang

Melebihi 9000 orang

B. MAKLUM BALAS PELAKSANAAN APEL DI PPT

4. Sejak tahun bila dan bilangan PPT anda telah menerima masuk pelajar yang menggunakan sijil APEL?

Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan
2011		2013		2015	
2012		2014		2016	

5. Adakah pelajar laluan APEL dapat mengikuti pengajian seperti mana pelajar laluan biasa?

Ya

Tidak

6. Jika tidak, nyatakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar APEL?

i.

ii.

iii.

7. Adakah terdapat pelajar laluan APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar?

Ya

Tidak

8. Jika ya, sila senaraikan butiran pelajar berkenaan (boleh disediakan dalam lampiran berasingan):

Bil.	Tahun ambilan	Nama pelajar laluan APEL yang mendaftar	Umur semasa mendaftar	Nama program yang didaftarkan	Tahun meninggalkan PPT	Sebab meninggalkan PPT

9. Mohon lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat berkaitan pelajar APEL yang mengikuti program di PPT anda (boleh disediakan dalam lampiran berasingan):

Bil.	Tahun ambilan	Nama pelajar laluan APEL yang mengikuti program di PPT anda	Umur semasa pengambilan	Nama program yang diikuti	Pencapaian pelajar sehingga kini (CGPA)	Tahun bergraduasi (jika berkenaan)

10. Ulasan/ Cadangan (jika ada):

Nama :
Jawatan :
Nama PPT :
Telefon :
E-mel :